

# Tolak elemen negatif ganggu perpaduan – Tuanku Muhriz

**KUALA PILAH** – Yang di-Per-tuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir bertitah supaya rakyat menolak elemen negatif yang boleh meng-ganggu-gugat perpaduan dan ke-harmonian.

Titah baginda, rakyat perlu berusaha untuk mengenali dan memahami adat serta budaya berbilang kaum di Malaysia bagi menjamin kesejahteraan khu-susnya rakyat Negeri Sembilan.

“Oleh itu, beta menyeru ke-pada semua rakyat untuk memper-tingkatkan tali persahabatan dan percampuran dalam kalangan masyarakat majmuk melalui

pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, sukan dan kunjungan ru-mah terbuka.

“Ia akan memastikan sema-ngat kebersamaan antara kita sentiasa teguh dan seterusnya mengekalkan perpaduan dan ke-harmonian,” titah baginda pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebe-saran, Bintang dan Pingat Negeri Sembilan sempena Hari Kepute-raan Ke-76 baginda di Istana Besar Seri Menanti di sini semalam.

Turut berangkat, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Al-marhum Tengku Besar Mahmud.

Dalam pada itu, baginda turut

berpesan untuk sentiasa ber-sedia menghadapi sebarang ke-mungkinan perubahan sama ada dari segi ekonomi, sosial mahu-pun iklim dunia.

“Beta telah disembah mak-lum bahawa kerajaan beta telah membuat persediaan dengan mengukuhkan pengurusan kerajaan melalui inovasi dalam pentadbiran dan mengaplikasi teknologi terbaru.

“Di samping itu, kerajaan juga telah merencana program-pro-gram tertentu yang bertujuan membantu rakyat membuat per-sediaan menghadapi ketidakten-tuan ini,” titah baginda.



**TUANKU MUHRIZ** menganugerahkan Darjah Seri Utama Negeri Sembilan yang membawa gelaran Datuk Seri Utama kepada Aminuddin di Balairung Seri, Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah semalam.